



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2 JUN 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 2 Jun 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **5,777 kes** (501,898 kes kumulatif, 85.5%);
- Kes baharu : **7,703 kes** (587,165 kes kumulatif);
- Kes import : **2 kes** (1 warganegara, 1 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **7,701 kes** [6,861 warganegara (89.1%); 840 bukan warganegara (10.9%)];
- Kes aktif : **82,274 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **878 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **441 kes**;
- Kes kematian : **126 kes** (2,993 kes kumulatif, 0.51%; 123 warganegara, 3 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,237 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **22 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,563 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **674 kluster**.

Sebanyak **126 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **29 kes** di Selangor, **18 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **14 kes** di Negeri Sembilan, **12 kes** di Kelantan, **11 kes** di Johor, **10 kes** di Kedah, **lapan (8) kes** di Wilayah Persekutuan Labuan, masing-masing **lima (5) kes** di Melaka dan Terengganu, **empat (4) kes** di Sarawak, **tiga (3) kes** di Pahang, masing-masing **dua (2) kes** di Sabah, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Perak, serta **satu (1) kes** di Pulau Pinang.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **PENINGKATAN KES COVID-19 YANG MEMBIMBANGKAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK BAWAH 5 TAHUN DI MALAYSIA**

Seperti yang dimaklumkan Yang Berhormat Menteri Kesihatan Dato' Sri Dr Adham Baba, KKM sememangnya khuatir dan bimbang mengenai situasi penularan kes COVID-19 di kalangan kanak-kanak, terutamanya yang melibatkan bayi berumur kurang dari 1 tahun dan kanak-kanak bawah 5 tahun.

KKM berharap dengan segala maklumat yang diberikan KKM mengenai isu ini dapat menyedarkan semua pihak, terutamanya ibu bapa dan penjaga mengenai situasi penularan COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak. Ibu bapa adalah berperanan sebagai pelindung kepada kanak-kanak. Mereka perlu mengambil tindakan proaktif untuk melindungi kanak-kanak agar tidak terdedah kepada bahaya COVID-19. Pesanan KKM kepada ibu bapa atau penjaga:

1. Pantaulah pergerakan anak-anak agar kekal berada di rumah dan tidak keluar berjumpa kawan atau mengunjungi jiran tetangga;
2. Hanya seorang wakil keluarga dibenarkan untuk membeli barang keperluan keluarga, seperti mana yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Dalam perkara ini, ibu bapa sendiri perlu menjalankan tanggungjawab ini dan tidak membenarkan anak-anak remaja mengunjungi tempat-tempat awam yang sesak dan berisiko tinggi;
3. Anak-anak perlu dinasihatkan untuk sentiasa memakai pelitup muka dan mengamalkan kebersihan sendiri yang betul sekiranya terpaksa keluar daripada rumah atas urusan yang tidak dapat dielakkan (misalnya ke hospital/klinik);
4. Ibu bapa yang mempunyai bayi dan kanak-kanak bawah 5 tahun perlu menjalankan tanggungjawab dengan kekal duduk di rumah, tidak membawa anak-anak ke tempat-

tempat yang berisiko seperti pasaraya, pasar awam, dan tempat sesak yang lain. Gunakan pembelian atas talian bagi membantu mendapatkan keperluan seharian.

Semua pihak terutamanya ibu bapa diseru untuk mengambil berat isu keselamatan dan kesihatan golongan kanak-kanak ini memandangkan mereka masih kecil dan sistem pertahanan tubuh mereka yang belum matang. Oleh itu, mereka cenderung untuk dijangkiti virus SARS-CoV-2. Kumpulan ini juga belum termasuk dalam golongan usia yang layak menerima suntikan vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Justeru, ibu bapa dan ahli masyarakat sekitar harus melindungi mereka dengan mendaftarkan diri bagi mendapatkan vaksin. Melalui cara ini, persekitaran yang lebih selamat dapat sama-sama kita bina bagi kelestarian generasi masa hadapan.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

**Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

**Amalkan 3W:** (Amalkan *Wash*, *Wear* dan *Warn*).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

2 Jun 2021 @ 7:00 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 2 JUN 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	2,728	191,722
<b>SABAH</b>	254	62,816
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	701 (2)	60,172
<b>JOHOR</b>	554	59,368
<b>SARAWAK</b>	588	48,620
<b>PULAU PINANG</b>	407	29,433
<b>KELANTAN</b>	541	28,860
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	586	27,288
<b>PERAK</b>	224	21,245
<b>KEDAH</b>	283	19,428
<b>MELAKA</b>	209	12,544
<b>PAHANG</b>	237	10,004
<b>TERENGGANU</b>	224	9,193
<b>WP LABUAN</b>	159	4,043
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1	1,911
<b>PERLIS</b>	7	518
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>7,703 (2)</b>	<b>587,165</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

Ringkasan 126 kes kematian pada 2 Jun 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang Penyakit
2868	Selangor	Perempuan (WN)	43	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	-
2869	Kelantan	Perempuan (WN)	73	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bahru	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
2870	Kelantan	Perempuan (WN)	53	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
2871	WP Putrajaya	Lelaki (WN)	70	Hospital Putrajaya	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, asma, dan hati
2872	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	68	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, gout, dan <i>nasopharyngeal cancer</i>
2873	WP Putrajaya	Perempuan (WN)	71	Hospital Putrajaya	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan hati
2874	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	77	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2875	Perak	Lelaki (WN)	84	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
2876	Kelantan	Perempuan (WN)	63	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
2877	Pahang	Lelaki (WN)	67	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Penyakit darah tinggi
2878	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	77	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit kencing manis, darah tinggi, asma, dan <i>rheumatoid arthritis</i>

2879	Perak	Perempuan (WN)	98	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Strok
2880	Kelantan	Perempuan (WN)	84	Hospital Tumpat	Penyakit darah tinggi, dislipidemia dan paru-paru kronik
2881	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	61	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2882	Sarawak	Perempuan (WN)	67	Hospital Miri	Penyakit darah tinggi
2883	Melaka	Lelaki (WN)	56	Hospital Melaka	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
2884	Terengganu	Perempuan (WN)	69	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2885	WP Labuan	Perempuan (WN)	51	Hospital Labuan	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
2886	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	95	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2887	WP Labuan	Perempuan (WN)	54	Hospital Labuan	-
2888	Johor	Lelaki (WN)	84	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Penyakit darah tinggi, strok, dan jantung
2889	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	71	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit jantung
2890	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	91	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit darah tinggi
2891	Kelantan	Lelaki (WN)	85	Hospital Tumpat	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan strok
2892	Kedah	Lelaki (WN)	32	Hospital Kulim	Obesiti
2893	Melaka	Perempuan (WN)	80	Hospital Melaka	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan kanser
2894	Selangor	Lelaki (WN)	71	Hospital Serdang	Penyakit darah tinggi, buah pinggang kronik, gout, dan dislipidemia
2895	Kelantan	Lelaki (WN)	66	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bahru	Penyakit darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik

2896	Kedah	Lelaki (WN)	84	Hospital Kulim	Penyakit darah tinggi
2897	Selangor	Lelaki (WN)	79	Hospital Banting	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2898	Selangor	Perempuan (WN)	64	Hospital Shah Alam	Penyakit kencing manis, darah tinggi, tiroid, dan jantung
2899	Johor	Lelaki (WN)	41	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Obesiti
2900	Pulau Pinang	Perempuan (WN)	82	Hospital Pulau Pinang	Penyakit dslipidemia
2901	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	95	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit darah tinggi, jantung, dan dislipidemia
2902	Pahang	Lelaki (WN)	66	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, strok, buah pinggang kronik
2903	Pahang	Lelaki (WN)	67	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2904	WP Labuan	Lelaki (WN)	27	Hospital Labuan	Asma dan obesiti
2905	Sabah	Perempuan (WN)	77	Hospital Queen Elizabeth 1, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
2906	Johor	Perempuan (WN)	78	Hospital Segamat	Penyakit kencing manis dan dislipidemia
2907	Johor	Perempuan (WN)	57	Hospital Segamat	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2908	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	64	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2909	Kedah	Lelaki (WN)	68	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit darah tinggi
2910	Kedah	Lelaki (WN)	78	Hospital Baling	Pendarahan otak
2911	Terengganu	Lelaki (WN)	61	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan paru-paru kronik
2912	WP Labuan	Lelaki (WN)	68	Hospital Labuan	-

2913	Selangor	Perempuan (WN)	62	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan buah pinggang kronik
2914	Sarawak	Perempuan (WN)	76	Hospital Umum Sarawak, Kuching	Penyakit darah tinggi, paru-paru kronik, dan obesiti
2915	Kelantan	Lelaki (WN)	69	Hospital Tanah Merah	Penyakit buah pinggang kronik dan paru-paru kronik
2916	Kedah	Lelaki (WN)	74	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Penyakit kencing manis
2917	Selangor	Perempuan (WN)	67	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2918	Johor	Perempuan (WN)	83	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Penyakit darah tinggi, strok, dan dislipidemia
2919	Johor	Perempuan (WN)	51	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
2920	Johor	Lelaki (WN)	47	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2921	Kelantan	Perempuan (WN)	27	Hospital Machang	-
2922	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	82	Hospital Jelevu	Kanser usus, dislipidemia, dan gout
2923	Kedah	Perempuan (WN)	62	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	-
2924	WP Labuan	Lelaki (WN)	45	Hospital Labuan	Obesiti
2925	Selangor	Lelaki (WN)	75	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2926	Kelantan	Lelaki (WN)	47	Hospital Gua Musang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
2927	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	70	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit kencing manis dan buah pinggang kronik
2928	Kedah	Perempuan (WN)	29	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit kencing manis

2929	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	72	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2930	Kelantan	Lelaki (WN)	69	Hospital Tumpat	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, paru-paru kronik, dan dislipidemia
2931	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	85	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
2932	Terengganu	Perempuan (WN)	67	Hospital Besut	Penyakit kencing manis
2933	WP Labuan	Perempuan (WN)	26	Hospital Labuan	-
2934	Johor	Lelaki (WN)	61	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Penyakit kencing manis
2935	Johor	Perempuan (WN)	55	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2936	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	65	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit kencing manis, darah tinggi, strok, dan jantung
2937	Kedah	Lelaki (WN)	70	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	-
2938	Kedah	Perempuan (WN)	49	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Penyakit tiroid
2939	Selangor	Perempuan (WN)	75	Hospital Banting	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
2940	Selangor	Perempuan (WN)	88	Hospital Putrajaya	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan paru-paru kronik
2941	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	29	Hospital Kuala Lumpur	Obesiti
2942	Sarawak	Lelaki (WN)	64	Hospital Miri	Penyakit buah pinggang kronik, kencing manis, darah tinggi, jantung, dan strok
2943	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	64	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan obesiti

2944	Melaka	Lelaki (WN)	73	Hospital Melaka	-
2945	Terengganu	Lelaki (WN)	47	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Penyakit kencing manis, jantung, dan buah pinggang kronik
2946	Selangor	Lelaki (WN)	52	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2947	Sarawak	Perempuan (WN)	83	Jenazah dibawa ke Hospital Umum Sarawak, Kuching	-
2948	Kelantan	Lelaki (WN)	74	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	-
2949	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	71	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit darah tinggi
2950	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	59	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	-
2951	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	26	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Obesiti
2952	Melaka	Perempuan (WN)	77	Jenazah dibawa ke Hospital Melaka	
2953	Terengganu	Lelaki (WN)	76	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Penyakit kencing manis
2954	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Kajang	Penyakit jantung
2955	Selangor	Perempuan (WN)	49	Hospital Ampang	Penyakit buah pinggang kronik, kencing manis, darah tinggi, dislipidemia
2956	Selangor	Perempuan (WN)	85	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit darah tinggi, penyakit tiroid, dan strok
2957	Selangor	Perempuan (WN)	81	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
2958	Selangor	Lelaki (WN)	78	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit dislipidemia
2959	Selangor	Perempuan (WN)	71	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, darah tinggi, lymphoma, dan hati
2960	Selangor	Perempuan (WN)	71	Hospital Ampang	Penyakit darah tinggi, jantung, dan dislipidemia

2961	Selangor	Perempuan (WN)	63	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
2962	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2963	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan strok
2964	Selangor	Perempuan (WN)	55	Hospital Shah Alam	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik,
2965	Selangor	Lelaki (WN)	50	Hospital Banting	Kanser hati
2966	Selangor	Lelaki (WN)	49	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2967	Selangor	Lelaki (WN)	68	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
2968	Selangor	Lelaki (WN)	51	Jenazah dibawa ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis
2969	Selangor	Lelaki (WN)	47	Jenazah dibawa ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	-
2970	Sabah	Lelaki (WN)	56	Hospital Tawau	Penyakit kencing manis darah tinggi, dan asma
2971	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	81	Hospital Selayang	-
2972	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	79	Hospital Kuala Lumpur	<i>Addison's disease</i>
2973	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	73	Hospital Sungai Buloh	-
2974	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	72	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit darah tinggi, dan dislipidemia
2975	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	66	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
2976	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	64	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang

2977	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	64	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, strok, dan buah pinggang
2978	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	63	Hospital Kuala Lumpur	-
2979	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	63	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan paru-paru kronik
2980	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	62	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
2981	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	49	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2982	Johor	Lelaki (WN)	81	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis
2983	Johor	Perempuan (WN)	42	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Penyakit kencing manis
2984	Kelantan	Perempuan (WN)	52	Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan kanser tiroid
2985	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	55	Hospital Tampin	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
2986	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	61	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	-
2987	Kedah	Perempuan (WN)	80	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2988	Melaka	Perempuan (WN)	32	Hospital Melaka	Obesiti
2989	WP Labuan	Perempuan (WN)	62	Jenazah dibawa ke Hospital Labuan	-
2990	WP Labuan	Lelaki (WN)	84	Hospital Labuan	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2991	Selangor	Perempuan (BWN)	43	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	-
2992	Selangor	Perempuan (BWN)	64	Hospital Kuala Lumpur	kanser
2993	Selangor	Lelaki (BWN)	66	Jenazah dibawa ke Hospital	-

				Tengku Ampuan Rahimah, Klang	
--	--	--	--	---------------------------------	--

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

### LAMPIRAN 3

Perincian 7,703 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 2 Jun 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	2,728	123	2,024	-	581
WP KUALA LUMPUR	701	39	403	2	257
SARAWAK	588	88	393	-	107
NEGERI SEMBILAN	586	187	237	-	162
JOHOR	554	83	333	-	138
KELANTAN	541	51	381	-	109
PULAU PINANG	407	125	184	-	98
KEDAH	283	13	192	-	78
SABAH	254	19	185	-	50
PAHANG	237	107	106	-	24
PERAK	224	61	97	-	66
TERENGGANU	224	33	145	-	46
MELAKA	209	46	108	-	55
WP LABUAN	159	67	45	-	47
PERLIS	7	-	5	-	2
WP PUTRAJAYA	1	-	-	-	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>7,703</b>	<b>1,042</b>	<b>4,838</b>	<b>2</b>	<b>1,821</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 4****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 2 JUN 2021**

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Kategori Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah Disaring</b>
1	Jalan Waja Lima Belas	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat dan Petaling	23	277
2	Jalan Balam	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong dan Titiwangsa	11	42
3	Jalan Jee Cattleya	Tempat Kerja	Sarawak	Miri	23	145
4	Jalan Pinang Riam	Tempat Kerja	Sarawak	Miri	15	129
5	Jalan SILC Satu	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru dan Pontian	15	110
6	Teknologi Enam	Tempat Kerja	Johor	Tangkak	15	85
7	Jalan Bioteknologi Satu	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	24	62
8	Pantai Kemayang	Tempat Kerja	Kelantan	Bachok	22	186
9	Industri Jemapoh	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Kuala Pilah dan Jempol	50	285
10	Jalan Tambun	Tempat Kerja	Perak	Kinta dan Hulu Perak	20	75
11	Industri Bukit Panchor	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utama, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, dan Timur Laut	94	545
12	Jalan Parit Raja Tengah	Komuniti	Johor	Muar	27	42
13	Nanga Meruan	Komuniti	Sarawak	Selangau, Sibul, dan Kanowit	34	115
14	Sungai Penyarai	Komuniti	Sarawak	Tatau	27	109
15	Kelisa Emas	Komuniti	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah dan Barat Daya	20	43

16	Taman Fasa 2A	Komuniti	Perak dan WP Kuala Lumpur	Manjung dan cheras	33	118
17	Dah Kampung Lancuk	Komuniti	Kedah	Kota Setar, Kuala Muda, dan Sik	57	167
18	Kampung Alai	Komuniti	Perak	Hulu Perak	18	42
19	Jalan Beringin	Pendidikan Tinggi	Selangor	Hulu Selangor dan Petaling	13	686
20	Jalan Yaacob Latif 2	Pendidikan Tinggi	WP Kuala Lumpur	Cheras	10	39
21	DTI Kemayan	Pusat Tahanan	Pahang	Bera	40	156
22	Jalan Mutiara Galla	Keagamaan	Negeri Sembilan	Seremban	33	45